

m/s 13

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@hmetro.com.my
Selangor

Majlis Fatwa Kebangsaan sepakat dan bersetuju bahawa hukum penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin berkata, keputusan itu dibuat selepas Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersidang lebih dua jam di Hotel Sama-Sama di sini, malam tadi.

Menurutnya, ahli muzakarah meneliti hasil kajian dari sudut syariah, perubahan dan saintifik serta unsur pembaziran dan budaya tidak sihat selain pertimbangan dari semua aspek.

"Dari sudut syariah, penggunaan rokok elektronik dan vape memudaratkan penggunaan sama ada cepat atau lambat.

"Adalah dilarang mengambil bahan memudaratkan secara jelas atau tidak, segera atau secara perlahan boleh membawa kematian, kerosakan anggota, membawa penyakit bahaya



FAKTA
Rokok elektronik dan vape termasuk dalam perkara jijik

Vape haram

ABD Shukor mengumumkan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan, malam tadi.

Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan selepas teliti hasil kajian dari sudut syariah, perubahan dan saintifik serta unsur pembaziran

atau sebarang kemudaratan pada akal," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Muzakarah berkenaan turut dihadiri pakar bidang kesihatan termasuk Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan

Awam Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman serta pakar bidang syariah.

Abd Shukor berkata, bahan yang memudaratkan tidak mempunyai manfaat muktabar yang bermaksud sekiranya ada manfaat, ia sa-

ngat kecil berbanding mudarat yang lebih besar.

Beliau berkata, rokok elektronik dan vape termasuk dalam perkara jijik (khabiith) seperti memudaratkan dan bau busuk.

"Rokok elektronik dan va-

pe mengandungi unsur pembaziran kerana dibelanjakan kepada perkara mudarat tidak berfaedah adalah satu pembaziran.

"Dari sudut qiyas, penggunaan rokok elektronik dan vape disamakan seperti per-

buatan minuman bahan beracun atau menghisap rokok konvensional," katanya.

Beliau berkata, dari sudut masalah (kepentingan), Islam menekankan sama ada umum atau khas.

"Perkara baik dan bermanfaat bersesuaian dengan hukum halal dan yang mudarat dengan hukum haram.

"Bagi pihak berkuasa, pemerintah boleh membuat keputusan pengharaman vape jika ada masalah umum dan kebaikan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, rokok elektronik dan vape diharamkan berdasarkan Qaedah Saad al-Zaraia iaitu menutup keburukan yang lebih besar dan bahaya yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

"Langkah membendung budaya yang tidak baik berkembang dalam masyarakat adalah wajar kerana ia boleh mempengaruhi generasi akan datang.

"Orang Islam hendaklah menjauhkan diri daripada menggunakannya atau terbit dengannya," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, sebelum ini ada negeri sudah mengambil inisiatif awal dengan memutuskan penggunaan elektronik dan vape haram antaranya Johor, Kelantan, Kedah, Wilayah Persekutuan dan Perak.